

01 MAR 1997

UMNO GUNA PENDEKATAN KOLEKTIF TANGANI MASALAH SOSIAL

JERTIH, 1 Mac (Bernama) -- UMNO akan menggunakan pendekatan secara kolektif dalam mencari jalan bagi menangani masalah sosial yang dihadapi para remaja negara, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor.

Katanya Umno berpendapat satu keseragaman perlu dicari oleh semua pihak baik Umno di peringkat cawangan, bahagian, negeri mahupun pusat supaya satu modul bersepadu dapat dirumus bagi mengelakkan sebarang implikasi yang timbul.

Beliau berkata apa yang penting dalam menangani isu itu ialah hasil yang dicapai amat dipentingkan, bukan cara yang diutamakan.

"Oleh itu semua pihak perlu melaksanakan satu cara atau pendekatan melalui satu saluran dan tidak dengan pelbagai cara," katanya kepada pemberita selepas majlis perayaan 50 Tahun Umno Dewan Undangan Negeri Kawasan Jertih di sini.

Dr Yusof, bagaimanapun, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menentukan formula yang akan digunapakai sebelum disalurkan melalui jentera parti dalam menangani masalah itu.

Katanya, apa yang ditekankan dalam pendekatan itu bukan semata-mata untuk menghalang mereka yang sudah terlibat dengan masalah itu, tetapi juga mencari jalan bagi menangani mereka yang belum terbabit. -- BERNAMA

ND AKD